

Bersyukur, berterima kasih dengan pemedulian pihak kerajaan

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 27 Mac. - Sebagai salah satu langkah untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19, penuntut-penuntut yang menutut di luar negara dibawa balik ke negara ini sebagai menjaga kemaslahatan, kesejahteraan dan keselamatan mereka.

Justeru, setelah berada di negara ini mereka dikehendaki untuk tinggal di tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan selama 14 hari. Melalui perbualan dengan menggunakan aplikasi WhatsApp, Pelita Brunei telah menemu bual salah seorang penuntut Brunei yang pernah menjalani attachment di Thailand.

Pertama sekali, Awang Muhammad (nama samaran) ingin menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amnya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, pihak swasta

dan semua agensi yang terabit khasnya dalam membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.

"Alhamdulillah, banyak kemudahan yang telah diberikan seperti bilik hotel berhawa dingin, makanan, televisyen, Wi-Fi internet, bilik air dan lain-lain malah ia adalah percuma dan mencukupi."

Keluarga juga boleh menghantar bekalan seperti alat mandi, pakaian dan makanan ringan dengan bantuan daripada para sukarelawan atas nasihat, bimbingan dan pemantauan pegawai kesihatan," ujarnya semasa disoal mengenai inisiatif atau kemudahan lain yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka sepanjang pengasingan.

Beliau ingin menyarankan kepada orang ramai agar melakukan penjarakan sosial sejauh satu hingga dua meter daripada orang lain dan sentiasa memakai penutup mulut (*disposable mask*) yang perlu diganti setiap 10 jam setelah pemakaiannya.

Di samping itu, sentiasa mengamalkan kebersihan, seperti membersihkan tangan menggunakan sabun dan juga *hand sanitizer*, berwuduk dan mandi selepas keluar dari tempat awam. Tambahnya, jika mengalami sakit seperti demam, selesema, batuk, sesak nafas segeralah berjumpa doktor di klinik yang berdekatan.

Semasa diajukan soalan mengenai adakah mereka yang sedang menjalani pengasingan menerima sebarang sumbangan berupa makanan daripada orang ramai, beliau menjawab, memang ada. Sumbangan berupa makanan lazimnya dibuat oleh pihak hotel dan orang awam serta diserahkan kepada orang yang dalam pengasingan persendirian.

Makanan, minuman dan perkhidmatan yang diberikan adalah percuma dan memuaskan, walaupun ada ketikanya, mereka turut berdepan dengan masalah logistik dan lain-lain.

"Rujuk kepada pegawai kesihatan yang bertanggungjawab bagi mengendalikan pengasingan persendirian," katanya merujuk kepada mereka yang mempunyai masalah dan beberapa pertanyaan semasa pengasingan.



جایتن فرانځن ایکونومی دان ستاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAH PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Sebarang aduan berkaitan amalan peniagaan yang tidak beretika,
sila hubungi:



123 info@123.com.bn TD123 App
 123 info@123.com.bn TD123 App
 8333123 td123bn

Perubahan waktu beroperasi kaunter penerimaan pembayaran denda kesalahan lalu lintas

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Dalam usaha membendung dan mengurangkan risiko penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan waktu beroperasi bagi kaunter penerimaan pembayaran denda kesalahan lalu lintas.

Jabatan Siasatan Dan Kawalan Lalu Lintas Gadong, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas Batu 3 dan semua Balai-balai Polis, jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi (Isnin hingga Khamis dan Sabtu), dan waktu petang semua kaunter ditutup.

UNISSA terus mengadaptasi pembelajaran dalam talian

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Berikutan perkembangan semasa mengenai penularan jangkitan wabak COVID-19 seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ingin memaklumkan bahawa sesi pengajian bermula pada Isnin, 5 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 30 Mac 2020 Masihi akan diteruskan secara dalam talian (*online*) hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelajar-pelajar adalah terjaga juga terhindar daripada sebarang kemungkinan jangkitan, pelajar-pelajar dikehendaki untuk terus berada di rumah dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian melalui Learning Management System (LMS) dan apa jua kaedah teknologi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian.

Pihak UNISSA juga telah mengaktifkan Business Continuity Plan (BCP) bagi menjaga kesejahteraan warga UNISSA dengan memberikan kelonggaran bagi warga UNISSA yang termasuk dalam kategori *vulnerable* seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan, termasuk mereka yang sedang mengandung, untuk bertugas dari rumah kediaman masing-masing (Work From Home - WFH).

Pelaksanaan kaedah WFH juga diselaraskan dengan kaedah *flexible working arrangements* bagi semua warga Perkhidmatan Awam seperti yang dinyatakan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah terus menghubungi Talian Hotline COVID-19 UNISSA menerusi talian +673 8787996.

Peperiksaan BCGCE 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE sesi Mei / Jun 2020 dibatalkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Berikutan dengan penularan jangkitan wabak COVID-19, keutamaan Kementerian Pendidikan adalah untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar serta guru-guru dan orang awam pada amnya.

Oleh itu, dimaklumkan bahawa pihak Cambridge Assessment International Education (CAIE) telah mengambil keputusan untuk tidak mengendalikan semua peperiksaan antarabangsa bagi sesi Mei / Jun 2020.

Bagi Negara Brunei Darussalam, peperiksaan-peperiksaan yang tidak akan dikendalikan adalah Brunei Cambridge International General Certificate of Secondary Education (IGCSE), Brunei Cambridge General Certificate of Education (BCGCE) 'O', 'AS' dan 'A' Level di mana dijadualkan akan bermula pada bulan April sehingga bulan Jun 2020.

Sehubungan ini, Kementerian Pendidikan sedang bekerjasama dengan pihak CAIE untuk memastikan kesinambungan pembelajaran pelajar-pelajar tidak akan terjejas dengan mewujudkan satu penilaian alternatif.

Kementerian Pendidikan akan memaklumkan mengenai langkah-langkah dan tindakan-tindakan seterusnya apabila perkara ini selesai dibincangkan bersama dengan pihak CAIE.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi terus ke talian pertanyaan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan melalui +673 2380630 (pada waktu bekerja sahaja) dan e-mel ke exam.dept@moe.gov.bn atau jbtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn.